UMK.B02.00.100-1/3/1 JLD. 4 (15 )

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 8/2024

## MENERIMA PAKAI SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

I. **SURAT EDARAN JPA.(S).600-1/3/8 JLD.3(6):**
**PINDAAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA CERAIAN U.P.7.2.5: PENGURUSAN PENERIMAAN ATAU PEMBERIAN HADIAH, KERAIAN DAN TAJAAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

II. **SURAT EDARAN MOF.TAX(S)700-1/3/14 JLD.3 (SK.2) (10):**
**PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PENGELUARAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT KEPADA PENJAWAT AWAM**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pemakaian Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 3 Tahun 2024 (Kali ke-75) pada 29 Mac 2024 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran JPA dan MOF seperti berikut:

| Bil. | Surat Edaran | Perkara | | |
|---|---|---|---|---|
| | | **Bil.** | **Ceraian UP.7.2.5 (Asal)** | **Ceraian UP.7.2.5 (Pindaan)**<br><br>**Antara perkara utama yang ditambah baik adalah seperti berikut:** |
| 1. | Surat Edaran JPA.(S).600-1/3/8 JLD. 3(6):<br><br>Pindaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian U.P.7.2.5: Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah, Keraian Dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam | 1. | Tajuk Ceraian UP.7.2.5 TATATACARA PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM | Tajuk Pindaan Ceraian UP.7.2.5 PENGURUSAN PENERIMAAN ATAU PEMBERIAN HADIAH, KERAIAN DAN TAJAAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM<br><br>Nota: Penambahan keraian dan tajaan. |
| | | 2. | Jika hadiah diterima kurang daripada ¼ emolumen bulanan atau RM500 yang mana | Jika hadiah diterima bernilai kurang RM300 tidak perlu kelulusan Ketua Jabatan. |

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><td></td><td>lebih rendah tidak perlu kelulusan Ketua Jabatan.</td><td></td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Jika hadiah diterima melebihi ¼ emolumen bulanan atau melebihi RM500 yang mana lebih rendah perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.</td><td>Jika hadiah diterima bernilai RM300 dan ke atas perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Tiada.</td><td>Penambahan perkara dalam ceraian:<br>Tajaan daripada pihak luar bagi tujuan menghadiri persidangan, kursus, penyelidikan dan sebagainya.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Tiada.</td><td>Semua fasiliti Kerajaan hendaklah mempamerkan poster berkaitan dasar tidak menerima hadiah (no gift policy) di pintu masuk utama, Bahagian, Cawangan dan lokasi yang bersesuaian untuk peringatan kepada pihak awam sebagai usaha mengekang amalan pemberian hadiah di premis Kerajaan.</td></tr>
</table>
<ul><li>Perincian Pindaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian U.P.7.2.5: Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah, Keraian Dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam sebagaimana Lampiran 1 yang disertakan.</li></ul>
</td>
</tr>
<tr>
<td>2.</td>
<td>Surat Edaran MOF.TAX(S)700-1/3/14 JLD.3 (SK.2) (10)</td>
<td>i. Bagi penjawat awam yang membuat pengeluaran awal Award Wang Tunai GCR tidak akan dikenakan cukai pendapatan.<br><br>ii. Pengesahan telah dibuat oleh pihak MOF bahawa mana-mana penjawat awam yang telah dikenakan cukai boleh membuat permohonan bayaran balik cukai secara terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
<ul><li>Perincian Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Pengeluaran Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat Kepada Penjawat Awam sebagaimana Lampiran 2 yang disertakan.</li></ul>
</td>
</tr>
</table>

3. Pemakaian Pekeliling Pentadbiran Bil. 8/2024 berkaitan Menerima Pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ini adalah berkuatkuasa mulai 29 Mac 2024.

Sekian, terima kasih.

**"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM,** *P.J.K*)
Pendaftar

21 APRIL 2024

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab